Salvam a/l Velayutham lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-50–09 TAHUN 2012
ABDUL KARIM PK
7 OKTOBER 2013

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Pertuduhan dipinda — Pertuduhan di bawah s 394 Kanun Keseksaan dipinda kepada s 412 — Lembu-lembu disamun dan percubaan melupuskannya — Pengakuan salah pertuduhan pindaan dibuat setelah beberapa saksi memberi keterangan — Hukuman penjara satu hari dan denda RM1,500 — Sama ada hukuman tidak berpadanan dengan kesalahan yang dipertuduhkan — Sama ada hukuman tidak bersifat deteren — Sama ada hakim bicara menggunakan prinsip penghukuman salah — Sama ada hakim bicara khilaf kerana terlalu dipengaruhi oleh kepentingan responden melebihi kepentingan awam — Sama ada mengharuskan mahkamah rayuan campur tangan — Sama ada hukuman wajar

Ini merupakan rayuan oleh perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('hakim bicara') yang telah menjatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM1,500 (jika gagal dibayar, tiga tahun penjara) ke atas responden bagi satu kesalahan di bawah s 412 Kanun Keseksaan. Pada asalnya responden dipertuduhkan dengan kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan ('Kanun') bersama-sama dengan 13 orang lain yang masih bebas. Bagaimanapun setelah perbicaraan dijalankan dengan beberapa orang saksi telah memberi keterangan, pertuduhan tersebut telah dipinda kepada satu pertuduhan di bawah s 412. Setelah sembilan saksi dipanggil dan tinggal lagi dua saksi sebelum perayu menutup kes pendakwaan, responden telah mengaku salah ke atas pertuduhan pindaan tersebut dan hakim bicara telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman sepertimana yang dinyatakan di atas. Perayu telah tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut dan telah merayu ke mahkamah ini. Perayu menyatakan, antara lain, bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dipertuduhkan. Responden di sini telah terlibat secara langsung dengan kesalahan yang amat serius ini. Ditegaskan lagi bahawa hakim bicara telah tidak memberi cukup pertimbangan ke atas elemen kepentingan awam. Sebaliknya telah mengutamakan kepentingan responden. Perayu juga menghujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak mempunyai kesan deteren untuk menghalang kesalahan seperti ini daripada berlaku.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana adalah

terlampau ringan (kurang) dan tidak mencerminkan keseriusan kesalahan ini. Tidak dinafikan kesalahan di bawah s 412 Kanun boleh membawa hukuman maksimum 20 tahun kalau disabitkan dan boleh juga didenda. Responden telah mengakui fakta yang dibentangkan itu, dan dalam keadaan kes ini tidak ada orang atau tribunal yang munasabah akan mengatakan bahawa peristiwa seperti dalam kes ini boleh dipandang atau dianggap ringan. Mahkamah juga tidak nampak bagaimana dikatakan perkara itu boleh dianggap sebagai sudah basi. Dengan menyatakan sedemikian, hakim bicara seolah-olah mengemukakan saranan bahawa kebasian itu boleh menjadi faktor yang kuat dalam meringankan sesuatu kesalahan. Saranan seperti ini boleh juga dianggap seolah-olah meletakkan satu had masa untuk sesuatu tindakan jenayah diambil. Ini merupakan satu saranan yang salah dan terkhilaf (lihat perenggan 10).

(2) Hakim bicara telah memberi tumpuan yang berlebihan kepada kepentingan responden berbanding dengan kepentingan pengadu, mangsa atau awam. Dalam kes ini kepentingan pengadu, mangsa dan awam tidak diberikan pertimbangan yang sepatutnya, ataupun boleh dikatakan tidak diberikan pertimbangan langsung. Hakim bicara telah memberi kredit yang terlampau tinggi kepada faktor pengakuan salah, kesan hukuman penjara kepada keluarga dan kesihatan responden sehingga mensifarkan faktor mangsa/pengadu dan kepentingan awam. Pada hal perkara tersebut merupakan faktor yang boleh dianggap stereotaip yang biasa ditimbulkan oleh seseorang tertuduh apabila berhadapan dengan kesan dan akibat perbuatannya (lihat perenggan 12).

(3) Di dalam kes ini lembu-lembu telah disamun dan cuba dilupuskan merupakan penemuan fakta. Seterusnya, fakta yang dibentangkan jelas menunjukkan bagaimana peristiwa itu berlaku terutamanya pengadu, isterinya dan pekerja telah diikat dan ditutup mata mereka. Daripada percakapan pekerja Indonesia seperti di P33, ia menunjukkan adanya unsur penggunaan senjata bahaya dan ugutan dilakukan. Jika dipertimbangkan secara keseluruhan keterangan ini, kesimpulan berkenaan dengan kecederaan dan kerugian amat jelas sekali. Dalam keadaan kekerapan berlakunya jenayah rompak, samun dan jenayah yang berkaitan dengannya, masyarakat harus dilindungi daripada jenayah seperti ini terutamanya para peladang dan penternak (lihat perenggan 14).

(4) Hakim bicara telah menggunakan prinsip penghukuman dengan salah dan dalam keadaan kes ini yang jelas sekali, hukuman penjara satu hari nyata terlampau berkurangan. Walaupun hukuman maksimum yang diperuntukkan dalam s 412 Kanun ialah 20 tahun, namun setelah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor di atas, hukuman penjara

17 bulan dan denda RM15,000 (jika gagal dibayar, tiga tahun penjara) merupakan hukuman yang wajar dalam kes ini (lihat perenggan 15).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the sessions court judge ('the trial judge') who had sentenced the respondent to a one-day imprisonment and a fine of RM1,500 (failing which, three years imprisonment) for an offence under s 412 of the Penal Code. Initially, the respondent was charged with an offence under s 394 of the Penal Code ('Code') together with 13 others who were still at large. However, as the trial went on, with a number of witnesses giving their evidence, the charge was amended to one under s 412. After calling nine witnesses and there were only two witnesses left before the appellant concluded the prosecution case, the respondent pleaded guilty to the amended charge and the trial judge convicted and sentenced him to the abovementioned sentence. The appellant was dissatisfied with the said sentence and appealed to this court. The appellant contended, inter alia, that the sentence was not proportionate with the offence he was charged for. The respondent, in this case, was directly involved in a serious offence. It was further averred that the trial judge did not give sufficient consideration to the element of public interest. Conversely, the trial judge had given priority to the respondent's interest. The appellant also argued that the sentence did not have a deterring effect to curb such offence from recurring.

Held, allowing the appeal:

(1) The sentence meted out by the trial judge was excessively light and did not reflect the seriousness of the offence. It was undeniable that an offence under s 412 of the Code could carry a maximum of 20 years if convicted and a fine. The respondent admitted to the facts laid out and in the circumstances of this case, no reasonable person or tribunal would say that the events as in this case could be said to have gone stale. By holding such, it was as if the trial judge was suggesting that the staleness was a strong factor in mitigating an offence. Such suggestion could also be regarded as limiting a period for an action to be taken. This was a wrong and erroneous suggestion (see para 10).

(2) The trial judge had given overwhelming attention to the respondent's interest as compared to that of the complainant, the victim or the public. In this case, the interest of the complainant, the victim and the public was not given due consideration or could be said to not being given any consideration at all. The trial judge gave excessive credit to the factors of plea of guilt, the effects of sentence of imprisonment to the respondent's family and his health to the extent of cutting out factors of the victim/complainant and public interest. In actual fact, those factors

could have been regarded as a stereotype which would be raised by an accused in the face of the effect and consequences of his actions (see para 12).

(3) In this case, the finding of facts were that the cows were stolen and there was attempt to dispose them off. Further, the facts clearly showed how the event transpired especially as to how the complainant, his wife and employee were tied and their eyes were closed. Based on the conversation of the Indonesian employee, as in P33, it showed that the were were elements of usage of dangerous weapon and threat. If the evidence was considered in totality, the conclusion relating to injury and loss was very obvious. In light of the frequency of crimes of robbery theft and crimes relating to them, the public must be protected from such crime, especially farmers (see para 14).

(4) The trial judge had exercised the wrong sentencing principles and in the circumstances of this case which was obvious, the sentence of one-day imprisonment was excessively light. Even though the maximum sentence stipulated in s 412 of the Code was 20 years, after giving consideration to the above factors, the sentence of 17 months imprisonment and a fine of RM15,000 (failing which, three years imprisonment) was an appropriate sentence in this case (see para 15).]

Kes-kes yang dirujuk

Bacik bin Abd Rahman v PP [2004] 5 MLJ 89; [2004] 2 CLJ 572, MT (dirujuk)

Bama Jena And Anor v The State AIR 1958 Ori 106, MT (dirujuk)

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakkal [2013] 1 MLJ 759, MR (dirujuk)

PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101; [2005] 1 CLJ 421, MP (dirujuk)

PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

Rafikul Alam, Sk Siddique, Sk.. v State of West Bengal 2008 (1) CHN 685, MT (dirujuk)

Tay Chong Beng & Anor v PP [1963] 1 MLJ 131, MR (dirujuk)

Tuan Mat bin Tuan Lonik v PP [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 44, 394, 412

(Rama Velu & Associates) bagi pihak tertuduh.

Maisarah bt Kamal (Iffa Sirrhu bt Samsudin (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Abdul Karim PK:

[1] Ini merupakan rayuan oleh pendakwa raya, perayu, terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('hakim bicara') bertarikh 28 Ogos 2013 yang telah menjatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM1,500 (jika gagal dibayar, tiga tahun penjara) ke atas Salvam a/l Velayutham, responden, bagi satu kesalahan di bawah s 412 Kanun Keseksaan, seperti mana ditunjukkan dalam pertuduhan pindaan, P35.

[2] Pada asalnya responden dipertuduhkan dengan kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan bersama-sama dengan 13 orang lain yang masih bebas. Bagaimanapun setelah perbicaraan dijalankan dengan beberapa orang saksi telah memberi keterangan, pertuduhan tersebut telah dipinda kepada satu pertuduhan di bawah s 412 seperti yang berikut:

> Bahawasanya kamu pada 22 Jun 2009, jam lebih kurang 3.40 pagi, di Jalan Besar Menggong Hutan Percha di dalam daerah Alor Gajah, di dalam Negeri Melaka telah didapati memiliki 7 ekor lembu hasil daripada rompakan yang dilakukan terhadap Kanan a/l Krishnan (No K/P: 681107045417) kepunyaan Tan Choon Leong (No K/P: 790114-04-5485) yang dilakukan pada 21 Jun 2009 jam lebih kurang 9.40 malam di ladang ternakan lembu, Solok Menggong, Machap Baru, di dalam daerah Alor Gajah, di dalam Negeri Melaka. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 412 Kanun Keseksaan.

[3] Pada 28 Ogos 2012 responden telah mengaku salah ke atas pertuduhan pindaan tersebut dan setelah memuaskan hatinya bahawa segala prosedur telah diikuti, hakim bicara yang bijaksana telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman sepertimana yang dinyatakan di atas. Perayu telah tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut dan telah merayu ke mahkamah ini. Pada 22 Julai 2013, dan setelah mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak serta keterangan dan fakta yang dikemukakan, yang diakui benar oleh responden, saya telah membenarkan rayuan ini dan memerintahkan hukuman penjara satu hari yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana diketepikan dan digantikan dengan pemenjaraan selama tujuh belas bulan. Bagaimanapun hukuman denda dikekalkan. Responden telah tidak berpuas hati ke atas keputusan itu dan kini merayu ke Mahkamah Rayuan. Berikut merupakan alasan saya memutuskan sedemikian.

FAKTA LATAR BELAKANG

[4] Sepertimana yang diterima oleh hakim bicara yang bijaksana, responden telah mengakui fakta-fakta berikut ('eksh P36'):

(a) pada 21 Jun 2009, pada pukul lebih kurang 9.40 malam di ladang

ternakan lembu Menggong Air Itek, Machap Baru 78000, Alor Gajah Melaka, pengadu iaitu Kanan a/l Krishnan, bersama dengan isterinya dan dua lagi pekerja warganegara Indonesia telah didatangi oleh lebih kurang 14 orang penjenayah ke kawasan kandang tersebut;

(b) penjenayah tersebut telah mengikat pengadu, isterinya dan dua orang pekerja lagi dengan menggunakan pelekat plastik dan menutup muka pengadu dan yang lain menggunakan kain. Semasa pengadu diikat, pengadu dapat mendengar beberapa buah lori, termasuk lori responden jenis Hicom bernombor MBM 7308, telah masuk ke kawasan kandangnya untuk mengangkut beberapa ekor lembu;

(c) selepas responden mengambil beberapa ekor lembu dan dibawa masuk ke dalam lori, responden terus membawa lori tersebut untuk menghantar lembu-lembu itu ke ladang di Tabung Haji Londah Gemas, Negeri Sembilan. Selepas menurunkan semua lembu di ladang tersebut, responden telah, pada pukul lebih kurang 2 pagi, berpatah balik ke ladang ternakan di Machap dan mengambil tujuh ekor lembu lagi;

(d) responden kemudiannya membawa tujuh ekor lembu tersebut ke ladang Tabung Haji Londah. Namun pada pukul lebih kurang 3.40 pagi, semasa dalam perjalanan itu, responden telah ditahan oleh polis di jalan besar Menggong Hutan Percha;

(e) hasil daripada pemeriksaan ke atas lori yang dipandu oleh responden, pihak polis telah menjumpai 7 ekor lembu berwarna hitam belang putih dan enam daripada tujuh ekor itu mempunyai tanda telinga No 100, 4403, 4403, 4417, 024, 18192 dan 3026. Seekor lagi tidak mempunyai tanda. Selain itu, pihak polis telah juga menjumpai topeng penutup muka jenis kain berwarna biru gelap. Pihak polis seterusnya membuat laporan polis Hutan Percha 000115/09 berkenaan dengan tangkapan dan rampasan di atas; dan

(f) sebelum responden berjaya ditangkap, pengadu telah berjaya melepaskan diri daripada ikatan dan segera mendapatkan bantuan terdekat dan seterusnya membuat laporan polis sepertimana Machap Baru/000683/09. Pengadu telah juga berjaya membuat pengecaman ke atas lembu-lembu yang diternaknya sepertimana rampasan Laporan Hutah Percha/000115/09.

[5] Dicatatkan bahawa responden diwakili peguam di setiap peringkat.

RAYUAN

[6] Dalam petisyen rayuannya, perayu telah mengemukakan empat alasan utama berikut untuk mencabar keputusan hakim bicara:

(a) Tuan hakim telah khilaf mengenai fakta kerana terlalu dipengaruhi oleh kepentingan responden melebihi kepentingan awam;

(b) Tuan hakim telah terkhilaf mengenai fakta dan undang-undang apabila tidak mempertimbangkan bahawa responden mengaku salah setelah sembilan saksi dipanggil dan tinggal lagi dua saksi sebelum pihak perayu menutup kes pendakwaan;

(c) Tuan hakim telah terkhilaf mengenai fakta dan undang-undang apabila tidak mempertimbangkan hukuman yang seberat-beratnya memandangkan hukuman pemenjaraan sehingga 20 tahun boleh dikenakan;

(d) dalam semua keadaan, hukuman yang dikenakan adalah tidak bersifat *deterrent* dan teramat ringan untuk kesalahan serupa ini.

[7] Puan Ifa Sirrhu, timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar, telah menegaskan bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dipertuduhkan. Responden di sini telah terlibat secara langsung dengan kesalahan yang amat serius ini. Dia telah berada di tempat kejadian dan telah mengakui fakta sepertimana yang telah dikemukakan di atas. Ditegaskan lagi bahawa hakim bicara yang bijaksana telah tidak memberi cukup pertimbangan ke atas elemen kepentingan awam. Sebaliknya telah mengutamakan kepentingan responden. TPR yang terpelajar juga menghujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak mempunyai kesan deteren untuk menghalang kesalahan seperti ini daripada berlaku. Saranan ini dihujahkan disokong oleh nas kes-kes seperti *Tay Chong Beng & Anor v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 131; *Bama Jena And Anor v The State* AIR 1958 Ori 106; dan, *Rafikul Alam, Sk Siddique, Sk.. v State of West Bengal* 2008 (1) CHN 685.

[8] Peguam responden yang terpelajar pula berhujah bahawa hukuman hakim bicara yang bijaksana harus dikekalkan memandangkan kes ini, yang digabungkan dengan satu kes lain yang melibatkan tertuduh bernama Loganathan, telah dijalankan lebih awal dan responden pernah dilepaskan tanpa dibebaskan. Namun begitu perintah tersebut telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi setelah dirayu oleh pihak pendakwaan. Rayuan tersebut hanya terhadap responden sahaja kerana Loganathan tidak dapat dikesan. responden kemudiannya telah mengaku salah ke atas pertuduhan pindaan

sahaja dan bukan ke atas pertuduhan asal. Peguam juga menghujahkan bahawa terdapatnya faktor mitigasi sepertimana yang telah dikemukakan di muka surat 16, Nota Rayuan. Akhirnya, peguam yang terpelajar memohon agar mahkamah ini menjalankan budi bicaranya dengan mengekalkan hukuman yang diperintahkan oleh hakim bicara yang bijaksana.

ALASAN PENGHAKIMAN

[9] Dalam mempertimbangkan rayuan ini saya menyedari bahawa mahkamah dalam rayuan (*appellate court*) tidak akan mengganggu hukuman yang telah diperintahkan oleh mahkamah yang menjalan perbicaraan (*trial court*) kecuali dapat dipertunjukkan bahawa mahkamah yang menjatuhkan penghukuman itu telah menggunakan prinsip penghukuman dengan salah atau dalam keadaan sesuatu kes itu, hukuman berkenaan ternyata terlampau beriebihan atau berkurangan. Lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101; [2005] 1 CLJ 421. Dalam kes *Tuan Mat bin Tuan Lonik v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638 diperjelaskan lagi bahawa *'An Appellate court will not be overly ready to Interfere with any sentence imposed by the trial court unless there are very good reasons to do so* (per YA Suriyadi Halim Omar JCA (sepertimana YA ketika itu); (lihat juga kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83).

[10] Setelah menghalusi dan mempertimbangkan keterangan yang telah dibuktikan serta kesalahan yang dipertuduhkan ke atas responden, saya dapati hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana adalah terlampau ringan (kurang) dan tidak mencerminkan keseriusan kesalahan ini. Tidak dinafikan kesalahan di bawah s 412 Kanun Keseksaan boleh membawa hukuman maksimum 20 tahun kalau disabitkan dan boleh juga didenda. Dalam kes ini, responden, seperti dibuktikan, telah terlibat secara langsung dalam peristiwa yang boleh dikatakan amat dahsyat ini. Saya bersetuju dengan apa yang dihujahkan oleh TPR yang terpelajar mengenai isu ini. Responden telah mengakui fakta yang dibentangkan itu, dan dalam keadaan kes ini tidak ada orang atau tribunal yang munasabah akan mengatakan bahawa peristiwa seperti dalam kes ini boleh dipandang atau dianggap ringan. Saya juga tidak nampak bagaimana dikatakan perkara itu boleh dianggap sebagai sudah basi. Dengan menyatakan sedemikian, hakim bicara yang bijaksana seolah-olah mengemukakan saranan bahawa kebasian itu boleh menjadi faktor yang kuat dalam meringankan sesuatu kesalahan. Atau, saranan seperti ini boleh juga dianggap seolah-olah meletakkan satu had masa untuk sesuatu tindakan jenayah diambil. Pada pandangan saya ini merupakan satu saranan yang salah dan terkhilaf.

[11] Apa yang amat ketara di sini ialah hakim bicara yang bijaksana,

sepertimana dihujahkan oleh TPR yang terpelajar, telah memberi tumpuan yang berlebihan kepada kepentingan responden berbanding dengan kepentingan pengadu, mangsa atau awam. Apakah pendekatan yang harus diambil dalam mempertimbangkan isu ini? Dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakkal* [2013] 1 MLJ 759, Mahkamah Rayuan telah, di samping memberi penekanan kepada keadaan di mana kepentingan awam boleh mengatasi kepentingan peribadi seseorang yang dituduh, menjelaskan:

> Di dalam kes ini mahkamah perlu seimbangkan ciri 'deterrence' dengan ciri 'rehabilitation' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal dan berpatutan — 'to strike a right balance between the two'. Sesuatu hukuman yang berciri 'deterrence' bukan sahaja menghalang OKT daripada mengulangi kesalahannya di masa hadapan, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama; manakala hukuman yang berciri 'rehabilitation' bertujuan untuk memulihkan OKT menjadi orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan. Dalam pada itu kepentingan kaum keluarga si mati perlu juga diambil kira. Keselamatan masyarakat (public safety) perlu juga diambil kira. Kesalahan yang dilakukan oleh OKT di dalam kes ini, sedikit sebanyak telah menyebabkan 'anxiety and fear' di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat setempat — (Penekanan diberi.)

[12] Setelah dihalusi penghakiman hakim bicara yang bijaksana, saya dapati kepentingan pengadu, mangsa dan awam dalam kes ini tidak diberikan pertimbangan yang sepatutnya, ataupun boleh dikatakan tidak diberikan pertimbangan langsung. Hakim bicara yang bijaksana telah memberi kredit yang terlampau tinggi kepada faktor pengakuan salah, kesan hukuman penjara kepada keluarga dan kesihatan responden sehingga mensifarkan faktor mangsa/pengadu dan kepentingan awam. Pada hal perkara tersebut merupakan faktor yang boleh dianggap *stereotype* yang biasa ditimbulkan oleh seseorang tertuduh apabila berhadapan dengan kesan dan akibat perbuatannya. Dalam keadaan beginilah nasihat daripada YA Hashim Yeop A Sani J dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 harus dihayati dan dipatuhi. Begitu juga dengan pengakuan salah oleh responden, faktor ini, selaras dengan keputusan *Bacik bin Abd Rahman v Public Prosecutor* [2004] 5 MLJ 89; [2004] 2 CLJ 572, tidak seharusnya mensifarkan kepentingan awam dan menggagalkan matlamat peruntukan s 412 Kanun Keseksaan dan prinsip penghukuman itu sendiri.

[13] Menyentuh tentang kepentingan mangsa atau awam tersebut, hakim bicara yang bijaksana telah mengatakan:

> (f) Mahkamah ini juga telah menimbangkan akibat kesalahan yang dilakukan oleh OKT tiada individu yang mendapat kecederaan. Lembu-lembu yang disamun dan cuba dilupuskan oleh OKT telah dijumpai semula dan tiada sebarang kerugian dialami oleh tuan punya ladang lembu.

[14] Saya berpendapat bukan sahaja alasan ini *begging the question*, ia juga boleh terjumlah kepada satu *contradiction in term*. Apakah yang dimaksudkan dengan kecederaan di sini? Jika dirujuk kepada makna perkataan kecederaan di s 44 Kanun Keseksaan, ia merangkumi apa-apa kemudaratan (*harm*) yang dilakukan secara salah kepada mana-mana orang sama ada di badan, fikiran, reputasi atau hartanah. Begitu juga dengan 'kerugian', pada hal lembu-lembu telah disamun dan cuba dilupuskan merupakan penemuan fakta! Harus dicatatkan fakta yang dibentangkan jelas menunjukkan bagaimana peristiwa itu berlaku terutamanya pengadu, isterinya dan pekerja di situ telah diikat dan ditutup mata mereka. Jika dirujuk kepada percakapan pekerja Indonesia berkenaan seperti di P33, telah ditunjukkan adanya unsur penggunaan senjata bahaya dan ugutan dilakukah. Begitu juga daripada gambar, P7 (A—M), yang menunjukkan bangkai lembu yang mati. Jika dipertimbangkan secara keseluruhan keterangan di atas, kesimpulan berkenaan dengan kecederaan dan kerugian amat jelas sekali. Dalam keadaan kekerapan berlakunya jenayah rompak, samun dan jenayah yang berkaitan dengannya, masyarakat harus dilindungi daripada jenayah seperti ini terutamanya para peladang dan penternak. Di sinilah prinsip kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakkal*, amat ketepatan, yang jelas telah tidak dipertimbangkan dengan betul oleh hakim bicara yang bijaksana.

[15] Akhir kalam, perayu telah dapat menunjukkan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah menggunakan prinsip penghukuman dengan salah dan dalam keadaan kes ini yang jelas sekali, hukuman penjara satu hari ternyata terlampau berkurangan. Lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt; Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor*. Selaras juga dengan panduan dalam kes *Tuan Mat Tuan Lonik v Public Prosecutor*, bahawa adanya alasan yang baik untuk mengganggu keputusan hakim bicara yang bijaksana. Walaupun hukuman maksimum yang diperuntukkan dalam s 412 Kanun Keseksaan ialah 20 tahun, namun setelah saya memberi pertimbangan kepada faktor-faktor di atas, saya berpandangan hukuman penjara 17 bulan dan denda RM15,000 (jika gagal dibayar, tiga tahun penjara) merupakan hukuman yang wajar dalam kes ini. Dengan itu rayuan pendakwa raya dibenarkan sepertimana diperintahkan di atas.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed